

21 JUN 2003

Mahathir-Pelajar

PM NASIHAT PELAJAR MELAYU JANGAN ASYIK BERPOLITIK

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati para pelajar Malaysia, khususnya pelajar Melayu supaya jangan asyik berpolitik sehingga pelajaran mereka terabai.

Pengerusi Sekretariat Kelab-kelab Umno Datuk Mohd Shafie Apdal berkata Perdana Menteri turut mengingatkan mereka tentang peranan dan tanggungjawab mereka sebagai generasi muda yang bakal memikul tanggungjawab membela nasib bangsa, agama dan tanah air.

"Perdana Menteri menekankan supaya pelajar memberi tumpuan yang lebih kepada pelajaran dan mendapatkan ilmu daripada berpolitik," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pertemuan dan perbincangan antara Dr Mahathir dan 41 perwakilan dari Kelab-kelab Umno Luar Negara, di luar Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Mohd Shafie berkata perbincangan selama sejam setengah itu berkisar mengenai peranan mereka untuk menuntut ilmu pengetahuan serta tanggungjawab generasi muda untuk menghadapi cabaran alaf baru, serta meneruskan perjuangan Umno membela bangsa, agama dan tanah air.

Katanya, nasihat dan peringatan Dr Mahathir kepada perwakilan itu merupakan satu amanat penting daripada seorang Presiden Umno dan negarawan yang telah banyak berjasa kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Ia juga merupakan sejarah kerana amanat itu merupakan yang terakhir sebagai presiden parti kepada para perwakilan Kelab Umno, katanya.

Mohd Shafie berkata Dr Mahathir juga berasa gembira apabila mendengar sendiri daripada persoalan yang dibangkitkan pelajar adalah terkini seperti isu penyertaan penuh pelaburan asing, sekaligus memperlihatkan kematangan mereka.

Perdana Menteri, yang juga Menteri Kewangan, memberi jaminan bahawa dasar pemilikan 100 peratus ekuiti pelaburan asing dalam bidang pembuatan adalah satu langkah bertujuan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, katanya.

Sementara itu, wakil Kelab Umno Surrey, United Kingdom, Mohamad Nazari Ahmad berkata Dr Mahathir turut menasihati mereka supaya memahami dasar dan sejarah perjuangan Umno membela bangsa, agama dan tanah air.

-- BERNAMA

HS ZS MOZ